

MATEMATIK TAHUN 6

UNIT 4 PERATUS

NAMA MURID :

KELAS :

SILA KLIK PADA JAWAPAN YANG BETUL

Zahid menyimpan RM3 000 di dalam bank dan mendapat faedah 0.4% setahun. Hitung faedah yang diperolehnya selepas setahun.

- A RM12
- B RM42
- C RM3 012
- D RM3 120

Yati menyimpan RM600 di bank. Dia mendapat faedah sebanyak 3.5% setahun. Berapakah jumlah wang simpanannya selepas setahun?

- A RM621
- B RM931.50
- C RM1 350.50
- D RM2 100

Nurin mempunyai RM1 250 di dalam bank. Selepas setahun, wang simpanannya menjadi RM1 290. Berapakah faedah tahunan yang ditawarkan oleh bank itu?

- A 3.1%
- B 3.2%
- C 3.3%
- D 3.5%

Puan Ima melabur RM10 000 untuk pendidikan anaknya. Dividen yang diterimanya setiap tahun ialah 3.4%. Berapakah jumlah pelaburannya selepas setahun?

- A RM3 400
- B RM10 034
- C RM10 340
- D RM34 000

Sebuah bank memberikan faedah tahunan sebanyak 4.6%. Amir menyimpan RM2 500 di dalam bank itu dan mengeluarkan faedah setiap tahun. Berapakah jumlah faedah yang diterimanya selepas 2 tahun?

- A RM115
- B RM120.29
- C RM230
- D RM235.29

June mendapat 92% dalam satu kuiz. Kuiz itu mengandungi 50 soalan. Berapa soalankah yang dijawab betul oleh June?

- A 36
- B 40
- C 42
- D 46